[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH]

***Idris bersama peserta seminar** Persidangan Bandar-Bandar Hijau: Kerjasama dan Perpaduan Serantau Dalam Usaha Pembangunan Bandar-Bandar Hijau ASEAN di Melaka, semalam.*

Empat projek tebatan banjir di Melaka

RM280 juta diperuntuk manfaat khidmat perancang tempatan

Oleh Norizzah Baharudin
bhnews@bh.com.my

Melaka

Kerajaan negeri akan melaksanakan projek tebatan banjir membabitkan empat kawasan yang sering dinaiki air di negeri ini dengan kos lebih RM280 juta.

Empat kawasan itu adalah Sungai Duyong menerusi projek bernilai RM163 juta, bandar Jasin (RM60 juta) serta Merlimau dan Alor Gajah, masing-masing RM30 juta.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata kerajaan negeri juga akan menaik taraf Hab Perikanan Duyong bernilai RM40 juta bagi membolehkan kemudahan itu diguna untuk menempatkan hasil tangkapan nelayan, khususnya di pangkalan Duyong.

"Semua projek ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun lagi dengan mengambil kira pandangan dan permintaan penduduk setempat," katanya selepas mesyuarat EXCO negeri, di sini semalam.

Katanya, kerajaan negeri turut menetapkan semua projek terbabit hanya membabitkan perunding tempatan yang tahu selok-belok laluan air di sesuatu kawasan itu.

"Kita tak mahu lantik perunding dari luar Melaka kerana ia menyukarkan proses pembangunan pada masa depan seperti apa yang berlaku pada projek pembangunan Sungai Melaka fasa kedua sehingga terbengkalai," katanya.

Teknologi hijau

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan negeri bercadang mewujudkan dasar penanaman pokok hijau di sekitar bandar melalui konsep 'tebang sebatang, ganti 100 batang pokok lain'.

Katanya, ia seiring status Melaka sebagai peneraju pembangunan berteraskan teknologi hijau dan mesra alam, selain faktor negeri ini masih dikategorikan berada pada tahap kekurangan pokok hijau, tidak seperti Singapura.

"Sebanyak 20 peratus bandar di negara itu dilitupi hutan serta kehijauan landskap yang dipelihara untuk generasi akan datang. Saya yakin dengan dasar ini, Melaka juga akan jadi negeri hijau pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Persidangan Bandar-Bandar Hijau: Kerjasama dan Perpaduan Serantau Dalam Usaha Pembangunan Bandar-Bandar Hijau ASEAN, di sini, semalam.

Idris berkata, cadangan itu bagaimanapun akan dibincangkan bersama semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini supaya pelaksanaan dasar berkenaan dapat dilakukan.

Sementara itu, katanya, kerajaan negeri bakal mengetengahkan kaedah sisa kepada tenaga (WTE) dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, ia akan dilaksanakan menerusi penggunaan insinerator dalam isu kekurangan ruang di tapak pelupusan sampah bagi menampung jumlah pembuangan sisa pepejal setiap hari.

"Hasrat menggunakan teknologi itu diterima selepas ia dicadangkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, susulan isu terbabit yang berlarutan sejak beberapa bulan lalu," katanya.